

INASIS MISC ONLINE: THE MISC MAJOR (DOTA 2) 2017

Hal Ehwal Pelajar

Tue 17/10/2017 2:46 PM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;

Cc:Azhar B Anis Mohammad <azhar@uum.edu.my>; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin <dino@uum.edu.my>; Mohd Ashari B Yaakub <ashari@uum.edu.my>;



17 OKTOBER 2017, SELASA | 26 MUHARAM 1439H

THE MISC MAJOR (DOTA 2) 2017



Oleh: Ahmad Asyraf Bin Ahmad Noor Azam
 Gambar Oleh: Muhammad Alif Haikal Bin Parlan

INASIS MISC ONLINE: Pada 21 sehingga 22 September 2017, Exco Keselamatan dan Kesihatan Inapan Siswa (INASIS) MISC telah menganjurkan program The MISC Major 2017. Program ini diadakan di bilik mesyuarat dan lounge pelajar INASIS MISC yang disertai oleh 50 orang pelajar.

Program ini dijalankan untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara pelajar terutama dalam bidang E-Sukan. Selain itu, program ini bermatlamat untuk mengumpulkan semua pemain Dota 2 dalam kampus. Di samping itu, program ini bertujuan untuk mengasah dan mencungkil bakat para mahasiswa dalam bidang tersebut.

Program dimulakan dengan menentukan kelayakan menerusi dalam talian. 10 pasukan bertanding bagi mendapatkan tempat ke separuh akhir. Pada hari pertama, setiap pasukan bermain sebanyak empat kali untuk menentukan mata tertinggi dalam kumpulan. Seterusnya, pada hari kedua iaitu hari kejohanan hanya empat teratas dalam kumpulan akan melayakkan diri ke separuh akhir.

Perlawanan akhir di antara Mogenboe (INASIS TNB) dan Unfortunate Noob (INASIS GRANTT) ditayang secara langsung di skrin besar yang dipasang di Dewan Terbuka INASIS MISC.

Pengarah projek, Ahmad Asyraf Ahmad Noor Azam berharap program ini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang. Program sebegini akan menarik minat ramai mahasiswa yang arif dengan permainan dalam talian.

Sekian.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.